

BUDAYA BELAJAR BAGI ETNIK CINA DI MALAYSIA; PERSPEKTIF ALUMNI, IBU BAPA DAN GURU PELATIH

Mohamad Iskandar Shah Sitam¹, Abdul Razak Ahmad², Mohd. Mahzan Awang³,

^{1,2,3} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, MALAYSIA

Abstrak

Enrolmen murid bukan Cina ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina menimbulkan pelbagai cabaran seperti bahasa pengantar, proses pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran kepelbagaian, perpaduan etnik dan penyesuaian budaya belajar. Artikel ini meneroka budaya belajar etnik Cina di Malaysia dari perspektif alumni sekolah vernakular Cina dan ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah tersebut berkenaan budaya belajar etnik Cina. Murid pelbagai etnik bukan Cina perlu menyesuaikan diri dengan budaya belajar bagi etnik Cina untuk memastikan proses pembelajaran mereka bermakna dan memastikan kemenjadian mereka sebagai murid. Dapatan daripada analisis temubual di banding dan dibincangkan untuk memerihalkan budaya belajar murid etnik Cina. Asas budaya belajar etnik Cina dikaitkan dengan pegangan iaitu "practice make perfect". Di samping itu kata-kata seperti " biar kita miskin tapi jangan kita biarkan diri kita miskin ilmu", "kita hidup untuk belajar ... kita belajar, belajar sampai mati" dan "hormatilah orang tua, seolah-olah kamu menghormati ibu bapa kamu" turut menggambarkan budaya yang mempengaruhi adab belajar murid-murid di SRJKC. Enam ciri budaya belajar etnik Cina yang menonjol adalah menghafal, latih tubi, penyempurnaan tugasan atau kerja rumah, latihan tambahan, pelbagai rujukan dan menghadiri tuisyen.

Kata Kunci : Sekolah Vernakular, menghafal, latih tubi, kerja rumah, tuisyen

Abstract

The enrollment of non-Chinese students to Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pose various challenges such as the language of instruction, teaching and learning process in an environment of diversity, unity of ethnic and cultural adaptation of learning. This article explores the learning culture of Chinese ethnic in Malaysia from the perspective of Chinese vernacular school alumni and parents who send their children to Chinese vernacular school. Non-Chinese multi-ethnic students have to adapt to the learning culture of the Chinese people to make their learning meaningful and ensure they excel as students. The findings from the analysis of data from the interview are discussed comparatively to describe the learning culture of Chinese ethnic students. The basis of Chinese learning culture is related to the belief of "practice make perfect", "let us poor but don't let us poor in knowledge", "we live to study ... we study, study till our last breath" and "respect the elders as how you respect your parents". Six characteristics of Chinese ethnic learning cultural that stands out is memorizing, drills, completion of assignments or homework, additional exercises, various source of references and attending tuition.

Keynote : Vernacular school, memorizing, drills, homework, tuition

1.0 Pengenalan

Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk dengan pelbagai kumpulan etnik tidak dapat lari cabaran perbandingan status dan modal sosial dalam kalangan pelbagai etnik berkenaan. Kedatangan etnik Cina di Malaysia bermula seiring dengan perlombongan dan perniagaan di wilayah Malaya dan perladangan dan nelayan di wilayah Sabah dan Sarawak. Penguasaan etnik Cina dari segi ekonomi dan pendidikan sering di perkatakan semua lapisan masyarakat. Persoalan yang menarik perhatian pengkaji adalah apakah amalan atau budaya belajar dalam kalangan etnik Cina yang membolehkan pencapaian mereka yang menonjol itu. Kejayaan murid-murid sering terpapar di akhbar-akhbar tempatan dan kini boleh di capai dari internet. Pengalaman alumni, ibu bapa dan guru pelatih cuba dikongsi untuk dijadikan panduan kepada ibu bapa, guru dan murid-murid yang terlibat dengan sekolah vernakular Cina.

Bahasa, agama, tempat asal, keturunan dan amalan budaya menjadi sebab atau punca untuk masyarakat Cina membina hubungan dalam kalangan mereka. Ikatan antara mereka seterusnya mewujudkan perasaan tanggungjawab moral terhadap kesejahteraan masyarakat Cina keseluruhannya. Justeru itu, masyarakat Cina adalah identiti yang terbina, diwujudkan oleh ahli masyarakat agar memudahkan diri mereka dan juga masyarakat lain masing-masing dikenali (Chin 2013). Amalan budaya yang paling mudah diperhatikan adalah amalan atau budaya makan. Jenis makanan mi dan penggunaan copstik yang terkenal dalam kumpulan etnik Cina sudah semakin popular dalam kumpulan etnik-etnik lain. Adaptasi budaya atau peniruan budaya juga berlaku dalam aspek lain yang seterusnya melibatkan persefahaman mahupun persaingan.

Penguasaan bidang ekonomi dan pendidikan yang ketara dalam kalangan etnik Cina mendorong etnik-etnik lain untuk mengikuti langkah mereka. Seterusnya, ini mendorong peniruan budaya etnik tersebut yang meliputi budaya kerja, budaya makan, budaya belajar dan budaya bersenam yang diandaikan lebih baik daripada budaya kumpulan etnik-etnik yang lain. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa budaya kumpulan etnik Cina mempunyai keunikan tersendiri dan menjadi sebahagian daripada budaya yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia umumnya dan lebih dominan dalam etnik Cina itu sendiri. Dari segi penguasaan Matematik dalam kalangan murid-murid Cina, Sekolah Kebangsaan telah diminta untuk menyerapkan pendekatan pengajaran yang diamalkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (Lim 2002). Usaha ini bertujuan untuk merapatkan jurang pencapaian antara pelbagai jenis sekolah.

Isu penyerapan pendekatan pengajaran ini tidaklah semudah itu kerana Matematik bukan sahaja tidak bebas budaya namun juga tidak bebas nilai. Ia adalah disebabkan Matematik merupakan ilmu yang di sampaikan secara budaya. Pegangan yang paling ketara tentang pembelajaran Matematik adalah “practice make perfect” atau “perbanyakkan latihan untuk kejayaan” yang bukan sahaja dipercayai oleh pentadbir sekolah, guru-guru malahan ibu bapa dan murid-murid (Lim 2002). Kejayaan pembelajaran Matematik di sekolah berkenaan mungkin berkaitan dengan budaya sekolah dan masyarakat Cina (Lim 2002). Justeru artikel ini ingin mendekati budaya belajar etnik Cina yang antara lain berkaitan dengan kejayaan pembelajaran Matematik dan Sains dalam kalangan murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Namun, seiring dengan itu, ciri-ciri negatif cara belajar etnik Cina digambarkan dengan merujuk kepada pembelajaran secara hafalan, senyap dan pasif oleh beberapa

pengkaji. Murid Cina juga di andaikan mempamerkan motivasi dan strategi pembelajaran yang rendah namun sebaliknya terkenal dari segi akademik dan pencapaian yang tinggi berbanding dengan murid sebaya dari barat terutama dalam bidang Sains dan Matematik (Hing, 2013; Mehdizadeh & Scott, 2005). Kenyataan ini mendorong kita untuk berfikir iaitu sebenarnya murid Cina tidaklah menghafal secara membuta tuli semata-mata.

Sehingga kini, fenomena budaya belajar kumpulan etnik Cina masih kurang mendapat perhatian pengkaji di Malaysia. Usaha untuk mengkaji murid Cina dari Malaysia, Singapura, China, Hong Kong sebagai satu kumpulan namun kurang sesuai kerana konsep pengajaran dan pembelajaran diandaikan sebagai bergantung pada konteks sosio-budaya (Snider 2005). Dalam kata lain, konsep pembelajaran dalam kalangan kumpulan kecil murid Cina seharusnya konsisten merentasi konteks budaya, sosial dan pendidikan. Oleh itu kajian untuk meneroka persepsi dan pengalaman pembelajaran murid perlu dijalankan daripada pelbagai latar belakang budaya dan pendidikan.

Sehubungan itu, kajian berkaitan budaya belajar etnik Cina adalah perlu untuk memberi gambaran pertimbangan kepada warga pendidik dan masyarakat umum bagi membentuk masyarakat dengan jati diri budaya Malaysia. Seterusnya ini memudahkan mereka memahami murid pelbagai etnik yang belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Ini memudahkan ibu bapa dan guru membantu dan menyokong pembelajaran anak mereka. Secara khususnya, kajian ini melihat kepada faktor-faktor yang mencirikan budaya belajar dalam kalangan murid etnik Cina dari persepsi bekas pelajar dan ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah berkenaan.

2.0 Budaya belajar etnik Cina

Budaya adalah “satu sistem perkongsian ilmu pengetahuan dan kepercayaan yang membentuk persepsi manusia dan ditunjukkan sebagai tingkah laku sosial” (Bennet, 1990). Sehubungan dengan itu, budaya belajar etnik Cina melibatkan “sistem perkongsian ilmu pengetahuan, amalan, kepercayaan dan nilai yang ada pada masyarakat Cina untuk belajar” (Lim 2002). Dalam artikel ini, kajian budaya belajar etnik Cina melibatkan “amalan, kepercayaan dan nilai untuk belajar yang menjadi kebiasaan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina”.

Budaya belajar etnik Cina adalah cenderung kepada konsep pengajaran dan pembelajaran yang menyamai satu garisan hierarki di mana murid menganggap guru sebagai serba mengetahui dan menerima ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru mereka (Hing 2013, Cortazzi & Jin 2001). Beberapa ahli akademik barat berpandangan bahawa murid Cina adalah sederhana dan rajin (Hing 2013; Park, 2000). Ini adalah selari dengan pandangan bahawa tradisi belajar dan falsafah pendidikan Cina adalah dipengaruhi oleh Konfusianisme (Bush & Qiang, 2000). Masyarakat yang mempunyai latar belakang budaya warisan Konfusius cenderung menjadi sederhana, rajin dan menekankan kepentingan aturan, menghormati pihak berkuasa serta menghargai pemerolehan ilmu pengetahuan secara amali (Hing, 2013). Justeru itu, murid Cina amat menghargai pendidikan dan menghormati orang tua, guru dan cendekiawan (McInerney, 2005; Watskins & Biggs, 2001).

Pendidikan tradisi di China adalah berpusatkan peperiksaan (Hing, 2013) yang bergantung pada ingatan. Ramai pengkaji mengaitkan peperiksaan yang memupuk pembelajaran secara permukaan sahaja dengan murid yang memperoleh kebolehan semata-mata dengan mengulangi maklumat tanpa benar-benar memahami maksud atau bagaimana pengetahuan baru dihubungkan dengan pengetahuan sebelumnya. Selain itu, penumpuan semata-mata kepada peperiksaan mempertaruhkan imaginasi dan kreativiti murid serta mendorong peminggiran murid berdasarkan prestasi akademik (Kirkpatrick & Zang, 2011; Rob Schmitz, 2011). Ingatan merupakan strategi pembelajaran dalam tradisi Konfucius dan tidak harus disamakan dengan pembelajaran secara hafalan (Hing, 2013; Chan 1999). Penjelasan untuk mengaitkan Pembelajaran secara hafalan dihubungkan dengan pembelajaran dengan pemahaman yang saling melengkapi dijelaskan dengan merujuk kepada kenyataan, “mengingati barisan atau fakta yang sudah difahami mungkin diperlukan bagi memastikan kejayaan dan dianggap sebagai pendekatan pembelajaran secara mendalam” (Ho et al., 1999). Pembelajaran secara mendalam adalah signifikan apabila murid Cina menghayati istilah pengetahuan iaitu “xue wen” dalam bahasa Mandarin. Apabila dua perkataan dalam istilah itudiasingkan, “xue” membawa erti belajar atau arah mengetahui mana kala “wen” bermaksud bertanya atau menyelidiki. (Hing, 2013; Cortazzi & Jin, 2001; Cheng, 2000). Oleh itu, istilah “xue wen” menegaskan kepentingan bertanya dan menyelidiki. Justeru itu belajar secara mengingat perlu diterima seiring dengan belajar dengan memahami. Ini adalah kerana murid Cina bukanlah pasif namun sebaliknya bersikap reflektif dan mereka menghargai soalan yang di fikir dengan teliti serta dikemukakan setelah pemikiran yang mendalam (Cortazzi & Jin, 2001).

Pelajar-pelajar Cina dari Malaysia, Singapura dan Hong Kong lebih cenderung untuk belajar secara hafalan (Hing 2013). Namun begitu, terdapat perbezaan pendekatan pengajaran yang disampaikan di pelbagai aliran sekolah (Lim 2002). Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina cenderung untuk menggunakan pendekatan yang melibatkan “persekitaran yang lebih hidup dalam kelas”, “banyak menggunakan latihan tubi dan latihan tambahan”, “lebih kerja rumah”, “lebih tuisyen” dan “lebih persaingan dan kuiz” (Lim 2002, Munirah & Lim 1996). Ini digunakan untuk menjelaskan kejayaan murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dari segi kemahiran pengiraan dan penghitungan nombor termasuk mengingati jadual sifir. Guru-guru di sekolah ini berpegang bahawa latihan tubi dan latihan tambahan adalah lebih penting daripada kefahaman konsep dengan alasan latihan membantu dalam kefahaman konsep (Lim 2002). Kepentingan latihan dalam pembelajaran Matematik turut menjadi pegangan ibu bapa dan murid di sekolah Cina. Namun begitu, latihan tubi dan latihan tambahan sering dikaitkan dengan pembelajaran secara menghafal yang digambarkan sebagai pembelajaran dengan banyak “mengingati tanpa memahami”.

Perkongsian pegangan “practice make perfect” dalam kalangan pentadbir sekolah, guru-guru, ibu bapa dan murid menjadikan kerja rumah menjadi perkara yang dititik beratkan oleh semua pihak. Pegangan “practice make perfect” mempercayai bahawa latihan tubi dan latihan tambahan membantu murid untuk menguasai pengetahuan atau kemahiran. Namun sebaliknya “practice make perfect”, beberapa guru menekankan kepentingan memberi latihan yang mencukupi iaitu amalan yang dianggap boleh dilengkapkan dalam suatu tempoh masa dengan pertimbangan keupayaan individu

murid dan kerja rumah bagi subjek-subjek lain (Lim 2002). Latihan yang berlebihan boleh menyebabkan murid yang pandai pun tidak dapat menjawab secara betul. Kerja rumah di sini, merujuk kepada latihan atau tugasan yang diberikan kepada murid untuk di sempurnakan di rumah atau luar daripada masa persekolahan. Selain itu, bebanan kerja rumah yang luar daripada kemampuan biasa murid, mendorong murid untuk 'membaca' ilmu pengetahuan tanpa mempunyai kemampuan intelek bagi menghargai konsep yang abstrak (Kirkpatrick & Zang, 2011). Seterusnya ini akhirnya akan mendorong mereka untuk menipu di sekolah menengah, universiti dan dalam masyarakat umumnya.

Pembelajaran secara hafalan dianggap sebagai pendekatan permukaan kepada pembelajaran yang berpusat kepada guru (Hing, 2013; Watkins & Biggs 1996) berbanding dengan pembelajaran barat yang menggunakan teknologi, secara mendalam dan penglibatan aktif murid-murid dalam kelas (Hing 2013, Bond 1992). Tambahan, pembelajaran secara menghafal juga adalah tidak bermakna dan sering menyebabkan murid membenci Matematik (Lim 2002). Namun perkara ini adalah tidak selari dengan 'sumbangan' kejayaan murid-murid dalam Matematik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Aktiviti luar waktu persekolahan yang paling ketara di sekolah Cina adalah tuisyen sehingga ada yang mengikutinya seawal tahun pertama persekolahan. Sembilan puluh peratus murid mengikuti kelas tuisyen manakala yang selebihnya tidak berbuat sedemikian dengan alasan di ajar oleh abang-kakak atau ibu bapa mereka di rumah (Lim, 2002). Ini menunjukkan ibu bapa dan murid mempercayai faedah yang diperoleh daripada mengikuti kelas tuisyen. Murid seronok mendapat bimbingan tambahan daripada guru tuisyen manakala ibu bapa menganggap guru tuisyen mampu menggantikan peranan mereka dalam pendidikan anak mereka. Namun beberapa guru mempertikaikan kelas tuisyen kerana pihak sekolah telah memberi latihan tubi dan latihan tambahan secukupnya (Lim 2002). Selain itu beberapa murid cenderung untuk tidak memberi perhatian semasa kelas kerana mereka pembelajaran mereka yang ke hadapan, sehingga ada di antara mereka mewujudkan gangguan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimana pun sumbangan kelas tuisyen kepada murid-murid yang lemah tidak boleh diketepikan (Lim 2002). Ini menonjolkan kepentingan latihan tubi dan latihan tambahan dalam pembelajaran dan dianggap sebagai membantu murid membina skema. Setelah skema terbina, memberi latihan yang semakin sukar akan membantu murid mengembangkan skema mereka atau membuat generalisasi.

3.0 Objektif dan metodologi

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti budaya belajar bagi etnik Cina di Malaysia khususnya di Sarawak. Bacaan awal dilakukan dengan mendapatkan maklumat daripada jurnal yang berkaitan dengan cara atau budaya belajar yang di amalkan oleh murid cemerlang dalam kalangan murid bukan Melayu dan murid Melayu di SJKC. Bagi tujuan perbandingan untuk mengukuhkan dapatan bacaan awal, dua temu bual turut dijalankan (Braun & Clarke 2006). Pandangan tentang pengalaman dan tafsiran mereka di analisis secara tematik untuk dirumus sebagai budaya belajar etnik Cina.

Kajian kualitatif dijalankan dengan menemu bual responden yang terlibat dengan SJKC. Dua temu bual individu dijalankan. Responden pertama adalah berketurunan Cina merupakan alumni SRJKC manakala responden ke dua adalah bapa bukan berketurunan Cina yang menghantar tiga orang anak ke SRJKC.

4.0 Dapatan dan perbincangan

Budaya belajar bagi satu-satu etnik diamalkan oleh individu dan diperhatikan secara kolektif oleh kumpulan etnik tersebut. Pandangan tentang pengalaman dan tafsiran individu yang terlibat secara langsung boleh diperoleh, di analisis dan di bincangkan. Guru, pegawai pendidikan, guru pelatih, ibu bapa, alumni dan bekas murid di SJKC mampu untuk memerihalkan budaya belajar etnik Cina yang rapat dengan persekitaran budaya tersebut diamalkan. Pandangan dan tafsiran dijalankan secara kolektif dan ditemakan.

Murid bukan Cina yang bersekolah di SRJKC berhadapan dengan cabaran menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Selain itu mereka perlu menyesuaikan diri dengan budaya belajar etnik Cina untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Namun begitu ramai murid bukan Cina sering mengasingkan diri daripada murid Cina dan lebih mudah serta hanya bergaul dengan murid bukan Cina yang lain (TB02/304-313). Perkara ini berlaku adalah kerana mereka tidak dapat meletakkan diri mereka dalam kelompok Cina (TB02/311). Ini menyebabkan mereka bukan sahaja tidak menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sepatutnya mereka kuasai, namun juga tidak menghayati budaya seperti berdaya saing, kerjasama, komitmen dan menghormati guru (TB02/309-317).

Asas budaya belajar etnik Cina dikaitkan dengan pegangan iaitu “practice make perfect” (TB01/7). Di samping itu kata-kata seperti “ biar kita miskin tapi jangan kita biarkan diri kita miskin ilmu” (TB01/72), “kita hidup untuk belajar ... kita belajar, belajar sampai mati” (TB01/304) dan “hormatilah orang tua, seolah-olah kamu menghormati ibu bapa kamu”(TB02/319-320) turut menggambarkan budaya yang mempengaruhi adab belajar murid-murid di SRJKC. Latar belakang pegangan ini membantu pembentukan karektor murid-murid di SRJKC secara keseluruhannya.

Jadual 1: Nombor garis ayat dan total bagi tema/ciri untuk budaya belajar etnik Cina

	Nombor garis transkrip Responden 1	Tot al	Nombor garis transkrip Responden 2	Total
hafalan kerja rumah	4, 5, 245, 251, 251, 255, 255, 256, 259, 259, 259, 268, 272, 289, 324, 324, 327,	17	16, 17, 17, 19, 19, 21, 103, 104, 356, 357, 357, 357, 358, 359, 360-361, 372,	16
	88, 93, 94, 116, 117, 118, 220,	7	24, 124, 125, 261, 263, 266, 267, 273, 274, 274, 276, 363, 364, 394W,	10
latih tubi	4, 5, 82, 83, 203, 205, 210, 219, 219, 268, 272, 289,	12	23, 27, 374,	3
latihan tambahan	6, 17, 18, 19, 94, 95,	6	26, 40, 40, 61, 169, 171, 174,	9

			176, 378,	
			229, 230, 233, 234, 235, 236, 241, 243, 243, 246, 392, 392, 392,	10
pelbagai rujukan	49, 50, 51, 68, 70, 75, 75, 80, 82, 89, 92, 92, x154,	5		
tuisyen		6	33, 33, 39, 42, 396, 397	6
perbincangan			186, 190, 193, 194, 195, 195-	
kumpulan kecil	136, 182,	2	196, 219, 220, 222, 12, 53, 54, 56, 91, 91, 93, 287, 88,	9
persaingan	9	1		9
kegigihan	106, 107, 115, 116, 121, 121,	6	11, 45,	2
perperiksaan	233-234, 250,	2	162, 162, 178, 179, 387,	5
konfucious	288, 288, 302, 307, 309,	5	22	1
bertanya			86, 86, 86,87, 87, 87, 88, 93, 93, 113, 376	11
pusat sumber			207-208, 208, 209, 210, 218, 223, 224, 224, 224, 225, 389	10
saling membantu			292, 293, 294-295 296, 299, 302, 303, 306, 317	10
komitmen			46, 285, 286, 287, 316	5
patuh kepada guru			133, 133, 137, 382	4
menghormati			317, 318, 319-320,	4
bertanggungjawab			136	1
persediaan awal			x145, x152, x154, x156, x156, x157, x157, x158,	X8
ingatan	4, 5, 245, 251, 251, 272, 327,	7		
prestasi	8, 12, 19, 20	4		
jadual waktu	157, 158, 165, 174,	4		
individual learning	180, 180, 273, 274,	4		
practice make				
perfect	7, 7	2		

Merujuk kepada Jadual 1, enam ciri utama budaya belajar etnik Cina yang menonjol adalah menghafal, latih tubi, penyempurnaan tugas atau kerja rumah, latihan tambahan, pelbagai rujukan dan menghadiri tuisyen. Ciri-ciri ini merupakan ciri-ciri sepunya yang dipersetujui oleh kedua-dua responden. Ciri-ciri ini adalah juga selari dengan bacaan awal yang di buat (Hing, 2013; Lim, 2002; Munirah & Lim, 1996). Jelaslah enam ciri ini merupakan ciri yang dominan yang masih dapat diperhatikan dalam kalangan murid Cina sehingga kini.

Ciri hafalan dalam budaya belajar murid Cina, digunakan untuk banyak konsep dan meluas penggunaannya meliputi karangan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik sejak awal persekolahan (TB02/16-17, TB02/103-104, TB02/356-361). Selain daripada itu, hafalan juga membantu murid dalam pelbagai aktiviti untuk mewakili sekolah dalam pelbagai pertandingan. Teknik hafalan yang telah dipentingkan

oleh guru pada zaman tujuh puluhan masih lagi signifikan sebagai proses pembelajaran sehingga kini (TB01/04-05, TB02/103-104, TB02/356-361, TB01/252). Di SRJKC, teknik hafalan ini menonjol dalam mata pelajaran Matematik terutama untuk penghafalan jadual sifir (TB01/258-263, TB02/17). Jelaskan kepelbagaian kegunaan hafalan dalam aktiviti persekolahan murid di SRJKC dan menunjukkan tidak selari dengan pandangan negatif terhadap hafalan (Watkins & Biggs 1996; Lim, 2002; Hing, 2013).

Peranan ibu bapa yang kedua-duanya bekerja dalam membimbing dan memantau kerja rumah anak-anak mereka banyak bergantung pada pusat jagaan, pusat tuisyen (TB01/88, TB01/93). Murid Cina amat serius dengan kerja rumah yang diberi (TB01/116-117). Hanya apabila sakit sahajalah kerja rumah boleh di kecualikan, selain dari itu, kerja rumah wajib disempurnakan tanpa gagal (TB02/273-276, TB02/394). Namun begitu, budaya belajar yang cuba disemai seawal sekolah rendah ini boleh terhakis bermula apabila budaya di sekolah menengah kebangsaan dilihat lebih 'mudah' oleh murid-murid berkenaan (TB02/363-364). Jelaslah kepentingan kerja rumah dan peranan ibu bapa adalah saling berkait dalam menentukan kejayaan akademik anak didik bermula di peringkat sekolah rendah (TB02/178-179).

Guru di SRJK(C) kerap menggunakan teknik latih tubi terutama untuk mata pelajaran Matematik terutama sekali pada masa cuti sekolah (TB). Amalan latih tubi yang mendasari pegangan "practice make perfect" ini juga dikaitkan dengan ajaran Konfucius (TB01/288, TB02/22). Ciri budaya belajar etnik Cina yang sangat ditekan di sekolah hingga kini ini walaupun sering menyebabkan murid keletihan (TB02/23). Latih tubi yang masih dipercayai oleh masyarakat Cina ini, membawa maksud latihan banyak yang diberi secara berulang-ulang untuk menguasai sesuatu kemahiran (TB01/203, TB01/205-207). "Lein Se" atau latih tubi amat berpengaruh sehingga ibu bapa sanggup pergi mendapatkan buku daripada pelbagai penerbit untuk sesuatu mata pelajaran untuk membolehkan anak-anak mereka menjalani latih tubi yang 'cukup'. Seterusnya ciri latih tubi dalam budaya belajar etnik Cina ini mendorong pihak pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa menekankan kerja rumah kepada anak didikan mereka (Lim, 2002).

Sebagai menggilapkan lagi pegangan "practice make perfect", latihan tambahan bukan sahaja dititikberatkan oleh guru namun juga oleh ibu bapa murid (TB01/06, TB01/17-19, TB01/94-95). Latihan yang diberi oleh guru baik dibuat di rumah mahu pun di sekolah, boleh berupa soalan ramalan ataupun soalan jangkaan guru (TB02/26, TB02/40, TB02/61, TB02/169, TB02/171, TB02/174, TB02/176). Selain banyak latihan tambahan, budaya belajar etnik Cina juga berteraskan bahan rujukan namun sekarang berbeza kesan daripada perkembangan komputer dan internet (TB01/49, TB01/50-51,). Ibu bapa akan cuba mendapatkan bahan yang terbaik untuk pendidikan anak-anak mereka sesuai dengan pepatah Cina yang berbunyi, "biar kita miskin tapi jangan kita biarkan diri kita miskin ilmu" (TB01/68, TB01/70). Komputer dan internet membantu pencarian talian terus dengan mesin carian seperti "mr google" untuk membuat penterjemahan baik English-Mandarin, Mandarin-English mahu pun Mandarin-Malay (TB02/229-230, TB02/233-236). Selain itu, kamus, majalah, surat khabar, VCD dan instructive CD turut dijadikan rujukan (TB02/241, TB02/243, TB02/246, TB02/392). Jelaskan latihan tambahan dan pelbagai sumber rujukan merupakan tambah nilai bagi

budaya belajar etnik Cina dengan asasnya hafalan, latih tubi dan penyempurnaan kerja rumah.

Usaha yang tidak berbelah bahagi demi pendidikan anak, amat ketara dalam kalangan masyarakat Cina yang sanggup mencari pendapatan lebih demi untuk menghantar anak ke pusat tuisyen (TB01/73-75, TB01/80, TB01/82). Namun begitu, untuk mengatakan hanya golongan anak Cina yang menghadiri tuisyen dan murid etnik lain tidak, menjadikan kenyataan tersebut hilang kebenarannya (TB01/154). Ini adalah kerana pendidikan sudah semakin sejagat, ibu bapa pelbagai etnik berebut-rebut menghantar anak ke pusat tuisyen (TB01/151-154). Responden ke dua, walaupun tidak menghantar anak ke pusat tuisyen dan anak-anak tidak meminta menghadiri kelas tuisyen namun menjelaskan pemerhatian beliau iaitu menghantar anak ke pusat tuisyen merupakan budaya masyarakat Cina (TB02/33, TB02/39, TB02/42, TB02/396-397).

Selain enam ciri utama budaya belajar etnik Cina yang menonjol, empat ciri yang tidak kurang penting adalah perbincangan dalam kumpulan kecil, persaingan untuk mencapai yang terbaik, kegigihan menguasai ilmu dan juga pembelajaran berfokus peperiksaan. Empat ciri budaya etnik Cina yang hanya ditekan oleh responden yang berketurunan Cina dan pernah bersekolah di SRJKC adalah kepentingan daya ingatan untuk belajar, perbandingan prestasi dalam kalangan ibu bapa, penggunaan jadual waktu dan juga pembelajaran individu. Ibu bapa bukan berketurunan Cina melihat amalan bertanya kepada rakan dan guru, penggunaan pusat sumber, amalan membantu sahabat, komitmen kepada ilmu, kepatuhan kepada guru, amalan menghormati dan sikap bertanggungjawab sebagai budaya belajar etnik Cina yang diperhatikan. Namun begitu beliau amat tidak setuju persediaan awal sebagai budaya belajar etnik Cina (merujuk kepada Jadual 1).

Budaya belajar yang memberi faedah kepada murid sewajarnya diteruskan agar memudahkan pemerolehan ilmu dan kemahiran yang diinginkan. Segelintir murid bukan Cina akan mudah terpengaruh dengan budaya rakan-rakan mereka di sekolah menengah terutama pada peringkat awal remaja. Budaya belajar etnik Cina yang di amalkan semasa SRJKC akan beransur terhakis (TB02/352). Perkara ini adalah didorong oleh pengisian atau pengukuhan budaya belajar baru yang dibawa oleh sekolah kebangsaan di mana majoriti murid adalah bukan Cina (TB02/352-353).Dapatan kajian ini adalah selari dengan sifat sesuatu budaya yang dinamik.

5.0 Rumusan

Kajian kualitatif dengan melakukan temu bual telah dapat memberi gambaran kepada budaya belajar bagi etnik Cina untuk menjelaskan lagi bacaan awal yang telah dibuat. Enam ciri budaya belajar Cina yang diperoleh daripada analisis transkrip temu bual mempunyai persamaan dengan dapatan daripada bacaan awal. Empat ciri dari perspektif responden berketurunan Cina dan tujuh ciri dari perspektif responden bukan berketurunan Cina memerlukan kajian yang lebih lanjut.

Rujukan

Bond, M. H. (1992). *Beyond the Chinese Face - Insights from Psychology*. Oxford: Oxford University Press.

- Bush, T. & Qiang, H. (2000). Leadership and culture in Chinese education. *Asian Pacific Journal of Education*, 20(2), 58-67.
- Chan, S. (1999). The Chinese learner - a question of style. *Education & Training*, 41(6/7), 294-304.
- Cortazzi, M. & Jin, L. (2001). Large classes in China: „good“ teachers and interaction. In D. A. Watkins & J. B. Biggs (Eds.(Cortazzi, 1990)). *Teaching the Chinese learner: Psychological and pedagogical perspectives* (pp. 115-134). Hong Kong/Melbourne: CERC & ACER.
- Hing, H. W. S. (2013). Characteristics of Chinese Students' Learning Styles. DOI:10.7763/IPEDR.2013. V62.8.
- Ho, I., Salili, F., Biggs, J. & Hau, K. T. (1999). The relationship among causal attributions, learning strategies and level of achievement: A Hong Kong case study. *Asia Pacific Journal of Education*, 19(1), 44-58.
- Kirkpatrick, R. & Zang, Y. (2011). The negative influences of exam-oriented education on Chinese High School Students: Backwash from classroom to child. *Language Testing in Asia*, 1(3), 3-44.
- Lim C. S. (2002). The culture of Mathematics learning in two Chinese primary schools: Drill and Practice. *National Conference of Mathematics Education*, 41(6/7), 294-304.
- McInerney, D. M. (2005). The motivation profiles and perceptions of schooling of Asian students in Australia: Perspective based on personal investment theory. Paper presented at the 2005 International Conference of Korean Society of Education Psychology, Seoul, Korea.
- Mehdizadeh, N. & Scott, G. (2005). Adjustment problems of Iranian international students in Scotland. *International Education Journal*, 6(4), 484-493.
- Park, C. C. (2000). Learning style preferences of Southeast Asian students. *Urban Education*, 35, 245-268.
- Snider, P. D. (2005, 6th-9th July). Better meeting the counselling needs of ethnic Chinese international students: Exploring the relationship between cultural backgrounds and counselling expectations. Paper presented at the higher education in a changing world, Sydney
- Watkins, D. A. & Biggs, J. B. (Eds.). (2001). *Teaching the Chinese learner: psychological and pedagogical perspectives*. Hong Kong/Melbourne: CERC & ACER.

_____0000_____